

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH [ SETIU ]**  
**TARIKH : 12.6.2014**  
**SOALAN :**

**Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [ Setiu ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kadar kebolehpasaran atau "employability" graduan setelah menamatkan pengajian dan nyatakan 10 bidang kelulusan pemegang ijazah yang mendapat permintaan tinggi, majikan, serta nyatakan apakah langkah Kerajaan bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Kajian Pengesanan Graduan semasa hari konvokesyen, tahun 2013, kadar kebolehpasaran graduan **Ijazah Sarjana Muda** Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta adalah 68.6 peratus. Sepuluh (10) bidang pengajian yang mendapat permintaan tinggi majikan adalah Undang-undang; Perakaunan; Sains Komputer, Pentadbiran; Perniagaan/ Perdagangan; Kejuruteraan Awam; Seni Bina/Bangunan/ Ukur Bahan/Ukur Tanah; Aplikasi Komputer/Pembangunan Perisian; Pengajian Islam; Rangkaian dan Perkakasan; serta Teknologi Maklumat dan Lain-Lain.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan program kebolehpasaran graduan (*Graduate Employability*, GE) untuk meningkatkan nilai tambah graduan daripada aspek kelayakan profesional, keterampilan diri dan sahsiah yang diharapkan dapat membantu pelajar-pelajar berkenaan memperoleh pekerjaan dan relevan dengan

keperluan majikan dalam pelbagai sektor. KPM juga telah melancarkan Dasar Pembangunan Usahawan IPT bertujuan menggalak dan memantapkan pendidikan dan pembangunan keusahawanan di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) tempatan secara terancang dan holistik. Di bawah dasar ini, pelbagai usaha dan inisiatif telah diambil oleh pihak KPM dan IPT dalam menerapkan budaya dan nilai-nilai keusahawanan dalam kalangan pelajar IPT agar menceburi bidang keusahawanan.

Rjm63